



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
TATACARA PELAKSANAAN TEMUDUGA KHAS SECARA ATAS TALIAN
(BAGI MENGGANTIKAN KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM)
NEGERI PULAU PINANG**

Tatacara Pelaksanaan Temuduga Khas Secara Atas Talian (Bagi Menggantikan Kursus Praperkahwinan Islam) Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

1. Pendaftaran

- 1.1 Boleh dibuat menerusi laman sesawang <http://emunakahat.penang.gov.my>.
- 1.2 Yuran pendaftaran sebanyak RM80.00 hendaklah dibayar secara tunai di kaunter Pejabat Agama Daerah (PAD) berkenaan:-
 - PAD Barat Daya – 04-8668525 / 011-13777363
 - PAD Timur Laut – 04-2612979 / 011-11442317
 - PAD Seberang Perai Tengah (BM) – 04-5386451 / 019-4162611
 - PAD SPU (Butterworth) – 04-3511521 / 019-4150612
 - PAD SPU (Kepala Batas) – 04-5751182 / 010-5130361
 - PAD Seberang Perai Selatan – 04-5821001 / 013-9243767
- 1.3 Peserta yang membuat bayaran secara atas talian atau di mesin ATM dikehendaki menghantar slip atau bukti pembayaran kepada urusetia di PAD.
- 1.4 Urusetia membuat *tagging* nama pada kit kursus bagi peserta yang telah membuat bayaran secara atas talian.
- 1.5 Peserta dikehendaki mengulangkaji Buku Memasuki Gerbang Perkahwinan sebelum menghadiri sesi temuduga.

2. Temuduga Khas

- 2.1 Temuduga diadakan secara atas talian menerusi aplikasi *Google Meet*.
- 2.2 Peserta diberikan pautan *Google Meet*.
- 2.3 Peserta perlu mengisi pengesahan kehadiran menerusi *Google Form*.
- 2.4 Temuduga dikendalikan oleh seorang panel penemuduga dan

dibantu oleh beberapa orang urusetia.

- 2.5 Petugas dan urus setia memulakan tugas 30 minit sebelum temuduga bermula iaitu 8.00 pagi.
 - 2.6 Petugas memberikan taklimat berkaitan etika dan peraturan temuduga.
 - 2.7 Temuduga diadakan pada hari Sabtu dan Ahad mengikut sesi dan masa yang ditetapkan oleh PAD.
 - 2.8 Setiap hari dihadkan tiga (3) sesi sahaja. Tempoh masa maksimum bagi setiap sesi adalah 1 jam 30 minit seperti berikut:-
Sesi 1: 8.30 pagi hingga 10.00 pagi
Sesi 2: 10.15 pagi hingga 11.45 pagi
Sesi 3: 12.15 t.hari hingga 1.30 petang

Keseluruhan – 4 jam 30 minit
 - 2.9 Jumlah peserta adalah 10 orang bagi setiap sesi.
 - 2.10 Temuduga Khas dibahagi kepada dua (2) pusingan seperti berikut:-
Pusingan 1: 30% soalan berkaitan Fardu Ain; dan
Pusingan 2: 70% soalan berkaitan Perkahwinan
 - 2.11 Temuduga dilaksanakan secara soal jawab spontan, perbincangan dan penerangan oleh panel penemuduga.
 - 2.12 Peserta dikehendaki menyalin beberapa maklumat penting dan diminta membacanya semula.
 - 2.13 Penilaian markah diberikan berdasarkan isi jawapan dan tahap kefahaman peserta.
3. Kiraan Lulus/Gagal Temuduga
 - 3.1 Markah lulus adalah 15/20 dan ke atas. Manakala peserta yang memperolehi 14 markah dan ke bawah dikira gagal.
 - 3.2 Peserta yang gagal perlu mengulang semula temuduga pada sesi berikutnya yang ditentukan Pejabat Agama Daerah (PAD).
 - 3.3 Bagi peserta yang mengulang, tiada sebarang yuran tambahan yang dikenakan.
4. Peranan Jawatankuasa Pusat Kursus (JPK)
 - 4.1 Menyediakan bilik Temuduga Khas dan kelengkapan lain termasuk peralatan ICT.

- 4.2 Memastikan Temuduga Khas atas talian berjalan lancar termasuk talian internet yang stabil.
 - 4.3 Memastikan semua petugas mematuhi Pematuhan Operasi Standard (SOP) iaitu:-
 - a. Memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*), menggunakan pencuci tangan, memeriksa suhu badan dan mengimbas kod MySejahtera.
 - b. Memastikan penjarakkan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter.
 - c. Mematuhi langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.
5. Sijil Kursus Praperkahwinan
- 5.1 Sijil Kursus Praperkahwinan dikeluarkan kepada peserta yang lulus Temuduga Khas.
 - 5.2 Sijil ini sah digunapakai untuk urusan permohonan kebenaran berkahwin di seluruh negeri di Malaysia.
 - 5.3 Peserta yang lulus Temuduga Khas boleh menuntut Sijil Kursus Praperkahwinan di Pejabat Agama Daerah berkenaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
6. Pemakaian Tatacara
- Tatacara ini sah digunapakai sepanjang tempoh PKP, PKPB dan seterusnya berdasarkan arahan dari semasa ke semasa.

Arahan:
Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Tarikh kemaskini: 21 Mei 2021